

Platform bincang isu berkaitan media &

dakwah

52 KERTAS KERJA KUPAS ISU DAKWAH MEDIA BAHARU ANTARA CABARAN DAN MASA HADAPAN

PENGANJURAN Seminar Kebangsaan Media Dakwah (SMED) 2014 kali ini bertemakan *Dakwah Media Baharu: Cabaran dan Masa Hadapan* mempunyai agenda tersendiri iaitu untuk menjadi platform untuk membincangkan isu dan paradigma baharu yang saling berkaitan dengan bidang komunikasi, media dan dakwah.

Seramai 52 pembentang kertas kerja terlibat dalam seminar yang diadakan pada 9 dan 10 Disember lalu, bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Nilai, Negeri Sembilan.

Pengarah program SMED, Prof Madya Dr Mohd Yahya Mohamed Ariffin berkata, semua maklum mengenai proses komunikasi dakwah secara konvensional telah lama dijalankan antaranya melalui masjid dan komunikasi secara personal. Kemudian radio dan akhbar menjadi medium penting dalam penyebaran dakwah Islam, seterusnya menggunakan televisyen sebagai medium pilihan pendakwah hari ini,

"Kemunculan internet merubah proses komunikasi dakwah di mana hari ini sesiapa sahaja boleh menyebarkan mesej mengenai Islam. Kemunculan media sosial seperti Facebook dan Twitter membuka ruang maya baharu



Chamil (empat, kiri, depan) bersama warga Usim dan barisan pembentang dalam SMED.

kepada umat Islam untuk berkomunikasi dengan masyarakat global perihal keindahan Islam.

"Media sosial mudah diakses oleh berjuta-juta pengguna internet yang datang daripada latar belakang budaya, bangsa dan agama yang pelbagai. Hal ini mungkin memberi pendedahan yang cukup meluas mengenai Islam di internet," katanya dalam ucapan



Chamil beramah mesra dengan pelajar Usim selepas majlis perasmian SMED.



Peserta memberi perhatian akan topik yang dibentangkan.

perasmian.

Menurutnya, seminar ini dapat mencetuskan interaksi dan integrasi antara bidang dakwah, media dan komunikasi dengan melihat bagaimana setiap bidang dapat menggabung jalin bagi mencetuskan penyelidikan baharu di antara disiplin. Beliau berharap idea, konsep mahupun teori dibentangkan, dapat

diperkukuhkan dan dinilai semula dalam melihat kesan media konvensional dan media baharu dalam proses berdakwah kepada umat sejagat.

SMED kali ini memberi pendedahan terbaik kepada penuntut program komunikasi Usim dalam meningkatkan pengetahuan berkaitan bidang komunikasi dan media selain aspek pengurusan seminar.

Mohd Yahya berkata, setiap kertas kerja yang dibentangkan dinilai dan disunting penganjur sebelum diterbitkan dalam jurnal atau bab dalam buku pada tahun depan.

"Saya berkongsi sedikit mengenai keunikan latar belakang pelajar Usim rata-ratanya datang daripada aliran pendidikan agama. Justeru, program komunikasi di Usim ini bertuah kerana pelajarannya mempunyai ilmu *naqli* yang kukuh sementara tugas kami sebagai pensyarah memantapkan dan mengintegrasikan ilmu *naqli* tersebut dengan ilmu *aqli* dalam bidang

komunikasi.

"Seminar ini dilihat satu langkah proaktif dalam mengangkat prinsip dan konsep komunikasi Islam yang menjadi tujuan utama bagi program komunikasi di Usim," katanya.

Antara kertas kerja dibentangkan adalah "Membina etika wartawan untuk menghadapi cabaran perbezaan pendapat dalam dakwah" oleh Datuk Chamil Wariya, "Persepsi penonton terhadap rancangan "Dialog Harmoni" di TV ALHIJRAH sebagai medium diolah antara agama di Malaysia" oleh Panji Hidayat dan Prof Madya Dr Muhammad Yusuf Khalid (Usim), "Fatwa dan media di Malaysia: Satu sorotan awal" oleh Dr Abdul Manan Ismail (Usim) dan "Program realiti Islamik: Pencetus Ummah (PU) dan persepsi mahasiswa oleh Puziah Ab Wahab, Azizah Jamaluddin, Zuraifah Zaini (Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Badrul Redzuan Abu Hassan (UKM).

SMED dianjurkan program komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) Usim.



MOHD YAHYA